



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK NORHAIZA BIN NOORDIN
SENI UKIRAN HALUS**

OLEH:

**NORAFIDA BINTI MAT NASIR 2022755509
NUR AINA NAZIHAH BINTI SALLEH 2022958821**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK NOORHAIZA BIN NOORDIN
SENI UKIRAN HALUS

OLEH:

NORAFIDA BINTI MAT NASIR 2022755509
NUR AINA NAZIHAH BINTI SALLEH 2022958821

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Alhamdulillah, dalam menyempurnakan tugas ini, kami ingin memberi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang telah membantu kami menyelesaikan kerja khusus ini. Pertama sekali kami ingin mengucapkan syukur kehadiran ilahi kerana telah memberikan kami peluang dan keizinan untuk menyiapkan tugas ini.

Seterusnya kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami, Nurulannisa binti Abdullah kerana telah banyak memberi bimbingan sepanjang kami melakukan tugas ini. Jasa beliau cukup besar sehingga kami dapat menyiapkan tugas ini. Seterusnya, saya juga tidak akan lupa akan sokongan yang ibu dan bapa kami kerana telah banyak memberikan sokongan dan telah menyumbang dari segi kewangan untuk kami menyiapkan tugas ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada mereka berdua kerana turut memberi sokongan moral sepanjang tugas ini dijalankan. Penghargaan juga kami berikan kepada Encik Norhaiza bin Noordin kerana sudi terima sesi temubual yang dijalankan oleh kami untuk mendapatkan maklumat tentang Artis Veteran Tanah Air. Beliau sanggup meluangkan masa untuk ditemu bual dan banyak memberi kerjasama dalam menjawab soalan temu bual kami.

Akhir sekali tidak kami lupakan iaitu kepada rakan sekelas kami yang telah membantu kami dari awal sehingga akhir semester ini. Akhir kata, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua orang yang terlibat secara langsung bagi menyiapkan tugas ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Isi Kandungan.....	iii-iv
Abstrak.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-xi
Transkrip	xii
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01-04
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	05-08
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	09-24
Bahagian 4: Sumbangan.....	25-28
Bahagian 5: Pencapaian.....	29
Bahagian 6: Harapan.....	30-34
Rujukan.....	35
Lampiran	36
Log Wawancara.....	37-43
Diari Kajian.....	44-46
Senarai soalan.....	47-52
Surat Perjanjian.....	53
Gambar.....	54-59
Sijil penghargaan.....	60
Indeks.....	61-62

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Artikel ini berdasarkan sumber daripada kajian penulis terhadap tokoh sejarah lisan yang dijalankan bersama adiguru seni ukiran halus yang terkenal di Malaysia iaitu Encik Norhaiza bin Noordin yang lebih dikenali sebagai Abang Ja dan sesi temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui beliau dalam bidang seni ukiran halus di Malaysia. Artikel ini menceritakan tentang pengalaman beliau sebagai seorang adiguru dan sumbangan beliau dalam bidang seni ukiran halus. Selain itu, artikel ini merangkumi kisah latar belakang pendidikan sekolah rendah dan menengah. Artikel ini juga menyampaikan perkembangan beliau di dalam kerjayanya sebagai seorang pengukir di Malaysia. Beliau sangat berpengalaman dalam bidang seni ukiran halus ini selama lebih empat puluh tahun. Pengalaman dan sumbangan terhadap kerjaya beliau amatlah berharga dan berharap bagi membangkitkan semangat generasi muda masa kini dalam menceburi minat dalam bidang seni ukiran halus di Malaysia.

Kata kunci: Encik Norhaiza, Seni ukiran, Motif, Seni Ukir Bakawali

Abstract: This article is based on sources from the author's study of oral history figures conducted with the famous Master of Fine carving art in Malaysia, Mr. Norhaiza bin Noordin, better known as Abang Ja, and this interview session was conducted to find out about him in the field of fine carving art in Malaysia. This article talks about his experience as an adiguru and his contribution in the field of fine carving art. In addition, this article covers the background story of primary and secondary school education, how he can be involved with the art of fine carving. This article also conveys his development in his career as a sculptor in Malaysia. He is very experienced in the field of fine carving art for over forty years. His experience and contribution to his career is very valuable and he hopes to inspire the younger generation today in venturing into the field of fine carving art in Malaysia.

Keywords: Encik Norhaiza, Carving art, Motifs, Bakawali Carving Art

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Encik Norhaiza Bin Noordin
Umur	60 tahun
Tarikh Lahir	
Tempat Lahir	Kampung Raja, Besut, Terengganu.
Alamat	Besut, Terengganu
No. Telefon	
Emel	@yahoo.com
Profesion	Adiguru
Bidang	Seni Ukiran Halus

PENGENALAN

PENGENALAN

Encik Norhaiza bin Noordin atau lebih dikenali sebagai Abe Ja merupakan adiguru seni ukiran halus yang tersohor dari negeri Terengganu. Beliau terkenal dalam bidang ukiran halus. Ayah beliau bernama Noordin bin Mat Taib dan ibu beliau bernama Rahmah binti Yaakob. Encik Norhaiza mempunyai 12 orang adik beradik. Beliau mempunyai seorang isteri yang bernama Rohayati binti Abdullah dan memiliki dua orang cahaya mata yang bernama Muhammad Osman bin Norhaiza dan puteri saya Rabiatul Adawiyah binti Norhaiza. Beliau bersekolah rendah di Sekolah Rendah Tengku Mahmud di Alor Lintang. Encik Norhaiza menceburi bidang seni ukiran kayu termasuk seni ukiran halus dan seni ukiran kayu.

Abe Ja atau nama sebenarnya Encik Norhaiza bin Noordin, ialah seorang adiguru seni ukiran halus yang terkenal di Terengganu. Beliau memulakan kerjaya beliau pada tahun 1984 di Balai Seni Ukir Wan Su selama 6 bulan. Kemudiannya beliau mempelajari ukiran seni halus (ulu keris dan senjata tradisional Melayu) dengan Tokoh Seni Negara iaitu YM Tengku Ibrahim bin Tengku Wook selama 6 tahun. Selain itu beliau telah berguru dengan enam orang adiguru seni ukiran halus dari negeri Terengganu dan Kelantan. Antaranya ialah, Allahyarham Wan Su, Wan Mustafa Wan Su, Allahyarham Tengku Ibrahim, Allahyarham Rahman Long, Latif Long dan Allahyarham Nik Rashiddin. Di samping itu, beliau telah mengasah ukiran seni halus dengan mempelajarinya dari (ulu keris dan senjata tradisional Melayu) Tokoh Seni Negara iaitu YM Tengku Ibrahim bin Tengku Wook selama 6 tahun. Ketelusan dan keikhlasan beliau dalam mempelajari seni ukiran halus dan usaha beliau yang tidak pernah berputus asa telah membuahkan hasil apabila beliau dinobatkan sebagai tokoh kraftangan di negeri Terengganu.

Pada tahun 1990, beliau mendalami kemahiran teknik ukiran dari Abdul Rahman bin Long dan Latif bin Long di Pengkalan Nyireh, Besut. Bagi melengkapkan lagi ilmu kemahirannya, pada tahun 1992 hingga tahun 2002 beliau belajar falsafah seni ukir Melayu dan teknik ukiran hulu keris dengan Nik Rashiddin bin Nik Hussein. Hasil kerja beliau membuahkan hasil apabila lahirnya syarikat Seni Ukir Bakawali, Bakawali House of Art, Tunjang Bakawali dan Norhaiza Noordin Gallery. Antara hasil kerja yang dihasilkan oleh bengkel beliau adalah hiasan dalaman Muzium Negeri Terengganu,

Taman Lagenda Langkawi, Masjid Mukah Sarawak, Istana Melawati, Petra Jaya, ukiran Ayat Qursi di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, Arca Sirih Junjung di Bank Negara serta Pintu Gerbang serta ukiran di Rumah Bujang Desa Ukiran Kayu Besut. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ukiran kayu, beliau juga telah melakukan beberapa kajian berkaitan seni ukiran kayu, menghasilkan buku dan berpuluh-puluh kertas kerja serta menyertai pameran-pameran di dalam dan luar negara.

Beliau mempelajari seni ukiran halus yang memfokuskan kepada pembuatan ukiran pada hulu dan sarung keris. Ukiran kayu pula ialah ukiran pada dinding, perabot, pintu, hiasan rumah, masjid dan sebagainya. Itu dikategorikan sebagai ukiran kayu. Kalau ukiran halus ini lebih kepada senjata kerana seni motifnya adalah kecil berbanding dengan ukiran kayu tadi. Di samping itu, pada tahun 2014, beliau telah mempelajari seni kain telepek. Seni telepek mempunyai persamaan dengan songket tetapi kaedah pembuatannya sangat berbeza kerana songket ditenun, menyulam tetapi telepek ini adalah satu seni yang menggunakan cop daripada ukiran.

Seterusnya, beliau menerima pengiktirafan dari pelbagai pihak yang menghargai bakat dan jasa beliau dalam memartabatkan seni ukiran kayu tradisional ini. Antaranya Anugerah Seni Negeri Terengganu Kategori Karyawan Seni (Tampak) 2005, Anugerah Usahawan Kraf IKS 2009, Adiguru Kraf oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Anugerah Usahawan Terengganu 2013, Kategori Pelancongan, Kraf dan Warisan dan perlantikan sebagai Residen Adiguru Kraf (Ukiran Kayu) di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Maysia.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang dan kejayaan Anugerah Tokoh Kraf Negara dalam bidang kraf seni ukiran halus. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

A: Nur Aina Nazihah

F: Norafida

EH: Encik Norhaiza

A : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang kraf seni ukiran halus. Bersama-sama kami ialah Encik Norhaiza bin Noordin yang merupakan seorang Anugerah Tokoh Kraf Negara. Rakaman ini dijalankan pada 30 Mei 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 3 petang berlangsung di Webex. Jadi temubual ini dikendalikan oleh Nur Aina Nazihah dan Norafida binti Mat Nasir. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Jadi Encik dah bersedia?

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

A : Okay encik, sekarang kita mulakan dengan bahagian yang pertama ya, iaitu latar belakang. Jadi saya nak tahu lah, apakah nama sebenar encik?

EH : Nama saya Norhaiza bin Noordin.

A : Noorhaiza bin Noordin ya. Adakah encik mempunyai nama gelaran ataupun

pangkat?

EH : Panggil ABANG JA jelah [sahaja].

A : **Bilakah encik dilahirkan?**

EH : Saya dilahirkan pada 20 haribulan 2 sembilan belas enam puluh tiga [20/2/1963]

A : **Dimanakah encik dilahirkan?**

EH : Saya dilahirkan di Kampung Raja, Besut

A : **Besut, Terengganu. Dimanakah encik menetap sekarang?**

EH : Saya masih menetap di Kampung Raja.

A : **Hingga sekaranglah?**

EH : Ya

A : **Bolehkah kami tahu nama ibu dan nama ayah encik?**

EH : Nama ibu saya Rahmah binti Yaakob dan ayah saya Noordin bin Mat Taib.

A : Encik mempunyai berapa orang adik beradik?

EH : Saya mempunyai – sebelas [11] ke dua belas [12] orang adik beradik gitu [begitu], saya tak [tidak] ingat.

A : Ouh encik---

EH : Dua belas [12].

A : Dua belas [12], encik anak keberapa?

EH : Saya yang paling sulong.

A : Paling sulong. Boleh encik ceritakan tentang keluarga encik? Maksud kami isteri dan anak-anak encik. Siapakah isteri encik dan dari mana isteri encik berasal?

EH : Nama isteri saya Cik Rohayati binti Abdullah dan saya mempunyai 2 orang cahaya mata, seorang Putera dan Puteri. Yang Putera Muhammad Osman bin Norhaiza dan puteri saya Rabiatal Adawiyah binti Norhaiza.

A : Adakah isteri encik bekerja?

EH : Ya, dia bekerja membantu saya dalam - menguruskan kerja-kerja di Bengkel Tunjang Bakawali dan Seni Ukir Bakawali.

A : Jika tidak keberatan, boleh saya tahu dimanakah anak-anak encik melanjutkan pengajian mereka sekarang?

EH : Anak pertama saya melanjutkan pelajaran di UiTM Cawangan - Chendering, Kuala Terengganu. Dan anak perempuan saya melanjutkan pelajaran di UiTM Arau, Perlis.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

A : [bunyi bising]. Kita beralih ke sesi yang kedua iaitu sejarah Pendidikan.

A : Dimanakah encik bersekolah rendah?

EH : Saya bersekolah rendah di Sekolah Rendah Tengku Mahmud di Alor Lintang [Besut] lebih kurang 2-kilometer [2 km] daripada tempat tinggal saya.

A : Dimanakah encik bersekolah menengah?

EH : Saya sekolah menengah pun di Alor lintang, Sekolah Menengah Tengku Mahmud.

A : Jadi dekat

EH : Berhampiran dengan sekolah rendah.

A : Jadi dekat dengan rumah lah?

EH : Ya, lebih kurang lah [bunyi bising]

**A : Ketika di sekolah menengah, subjek apakah yang menjadi kegemaran encik?
[bunyi bising]**

EH : Saya lebih cenderung kepada subjek - Geografi dan matapelajaran Seni Lukis.

A : Seni Lukis. Apakah cita-cita encik ketika di bangku persekolahan?

EH : [bunyi bising]. Seperti murid-murid lain lah -- apa nak jadi askar, nak jadi - (berfikir) polis kan, macam tentera - kerana apa kerana boleh (senyum) masa tu [itu] boleh tembak orang [bunyi ketawa] dan sebagainya. Tak adalah cita-cita yang masa sekolah lah.

A : Adakah encik seorang pelajar yang aktif?

EH : Ye [Ya]?

A : Adakah encik seorang pelajar yang aktif ketika di sekolah?

EH : Tak [tidak], tidak, saya tidak aktif, saya kurang minat dalam akademik. Cuma saya mengikuti pelajaran dalam seni sahaja. Saya aktif dalam seni, dalam seni saya aktif, baca-baca ni [ini] *dok* [tidak], *kurey* (kurang) sikit [sedikit].

A : Okay, maksudnya encik lebih berminat kepada seni lah *start* [bermula] daripada kecil?

EH : Ya, saya

A : Apakah pencapaian tertinggi yang terbaik yang pernah encik peroleh Ketika

berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?

EH : -- (berpikir sambil menekan hidung). Yang itu saya tak ingatlah sebab saya habis sekolah tahun 1980 tapi yang saya ingat mata pelajaran Geografi dan Lukisan lah saya tinggi,dan kredit lah, paling tinggi pun kredit ,tak dapat tu [itu] lah.

A : **Paling sulong. Boleh encik ceritakan tentang keluarga encik? Maksud kami isteri dan anak-anak encik. Siapakah isteri encik dan dari mana isteri encik berasal?**

EH : Nama isteri saya Cik Rohayati binti Abdullah dan saya mempunyai 2 orang cahaya mata, seorang Putera dan Puteri. Yang Putera Muhammad Osman bin Norhaiza dan puteri saya Rabiatul Adawiyah binti Norhaiza.

A : **Jadi apakah pengalaman yang tidak dapat encik lupakan semasa di alam persekolahan?**

EH : Tak [tidak] banyak, selalunya kerana saya selalu ponteng sekolah. [bunyi ketawa] selalu dikejar guru. Itulah pengalaman saya. [ketawa]

A : **Selepas menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah, adakah encik menyambung pengajian encik di peringkat yang lebih tinggi?**

EH : Tak [tidak], saya habis pada tahun 90 dengan apa ni [ini] SPM [Sijil Pelajaran

Malaysia], (berpikir sambil bermain dagu) Sijil - sijil - apa dia panggil.

N : Sijil Pelajaran Malaysia

EH : Sijil pelajaran Malaysia dan lepas tu [itu] saya tak sambung lagi saya terus cari kerja sehingga saya dapat apa ni [ini] – dapat ap ani [ini], dapat menceburi bidang seni ukir sampai ke hari ni [ini] lah

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

A : Jadi sekarang dah tamat sesi kedua. Kita beralih ke sesi 3 iaitu pengalaman kerjaya. Jadi, apakah pekerjaan pertama encik sebelum berkecimpung dalam seni ukiran halus?

EH : Sekali lagi?

A : Apakah...

EH : Boleh ulang sekali lagi?

A : Apakah pekerjaan pertama encik sebelum berkecimpung dengan seni ukiran halus?

EH : Macam saya selepas sekolah, saya mengikut kawan-kawan saya bekerja di Singapore sebab masa tu [itu], kebanyakan pemuda-pemuda ataupun orang lelaki di Besut [Terengganu] dan Kelantan, semua pergi bekerja di Singapore kerana gaji yang ditawarkan sangat lumayanlah pada masa itu. Saya bekerja lebih pada 3 tahun lah disana.

A : Oh lama, jadi [bunyi bising] bagaimana encik bekerja sebagai [bunyi bising] pengukir kayu, adakah kerana minat ataupun kerana ingin mencari pengalaman kerja?

EH : Silap saya, masa tu [itu] kita baru lepas macam baru lepas kongkongan daripada sekolah. Jadi kita akan *explore* [meneroka] lah ya macam- macam mana kita nak cuba hidup dalam dunia sebenar, ikut kawan dan sebagainya lah untuk nak cuba mencari kerja, pengalaman dan sebagainya masa tu [itu].

A : Jadi, dengan siapakah encik mula mempelajari seni ukiran tradisional?

EH : Kebetulan di kampung saya tu [itu] di dekat dengan sekolah saya tu [itu], ada satu bengkel ukiran kayu yang dimiliki oleh Wan Su Othman yang juga seorang tokoh, sepatutnya itu seniman negara ya. Maknanya satu pengiktirafan yang paling tinggi dalam seni negara kita. Jadi kebetulan apa ni [ini], beliau mempunyai bengkel dan perniagaan di bersebelahan dengan sekolah Tengku Mahmud. Jadi saya selalu berkunjung selepas pada saya balik daripada Singapore. Saya cubalah mencari sesuatu yang saya rasa sesuai untuk jiwa saya dengan karakter saya ni [ini]. Maka saya berjinak-jinak lah kesana untuk melihat bagaimana kerja-kerja dan kaedah pengukiran, cara-cara pengukiran dan disitu saya mempunyai minat yang agak mendalam. Jadi saya mengikuti perkembangan, akhirnya saya bekerja disana pada tahun 1984.

A : Lama juga. Adakah bengkel itu masih ada sehingga sekarang? Bengkel Wan Su Othman itu.

EH : Bengkel Wan Su masa tu [itu], Wan Po [Wan Mustafa bin Wan Su - Tokoh

Seni Negeri Terengganu] tu [itu] anaknya. Selepas tu [itu], Wan Po ambil alih. Masa tu [itu] Wan Po dah ambil alih rasa apa ni, perniagaan ayahnya daripada Balai Seni Ukir Wan Su diubah kepada Balai Seni Wan Po.

A : Seterusnya dengan siapa lagi encik mempelajari seni ukiran?

EH : Ya, selepas saya - bekerja disana dalam 1 tahun kurang lebih, saya berhenti, saya dapat tahu ada seorang lagi pengukir seni ukiran halus iaitu membuat hulu-hulu senjata melayu. Di lebih kurang 10-kilometer [10 km] dari rumah saya iaitu Tengku Ibrahim bin Tengku Wook, dia adalah tokoh kraf negara - yang pertama yang dinobatkan sebagai apa ni [ini] yang dinobatkan oleh - Kraftangan Malaysia melalui Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Dan nama dia Tengku Ibrahim bin Tengku Wook, disana saya - belajar agak lama jugalah lebih kurang 6 tahun dengan beliau.

A : Enam. Berapa tahun masa yang diambil untuk mahir dalam seni ukiran ini?

EH : Saya dengan Tengku Ibrahim, dia memberi tunjuk ajar dengan kaedahnya sendiri. Dia minta saya kalau nak belajar seni ukiran halus ni. Mung [kamu/awak] kena tunggu 3 tahun katanya, mung [kamu/awak] kena tengok sahaja tiga tahun. Jadi mungkin dia nak tengok kecekalan saya ataupun apa ni dipanggil - macam kesabaran kita menunggu masa tu [itu]. Jadi kalau saya

boleh tunggu dalam 3 tahun, bermakna saya sangat-sangat berminat lah. Jadi ramai semasa dengan saya tu [itu] seramai 8 orang, jadi dalam 8 orang tu [itu] saya seorang yang boleh menunggu selama tempoh 3 tahun tu [itu]. Yang lain semua tak boleh. Tak [tidak] boleh, tak [tidak] sanggup tunggu. Jadi masa tahun ke 4 baru beliau menunjuk ajar cara-cara mengukir dan cara-cara membuat peralatan untuk membuat ukiran, [memanggil anaknya dengan tangan] ukiran halus.

A : **Adakah masih ada guru seni ukiran encik yang masih lagi hidup?**

EH : Tak [tidak] ada dah. Sekarang saya mempunyai 6 orang guru dan keenam-enam orang guru itu telah meninggal dunia.

A : **Apakah bidang kraf yang encik ceburi?**

EH : Saya menceburi dalam bidang seni ukiran kayu termasuk, dia ada dua ya, dia ada dua kategori seni ukiran halus dan seni ukiran kayu. Dia ada dua. Seni ukiran halus dia lebih kepada pembuatan ukiran pada hulu dan sarung keris. Makna ukirannya halus ya, - mempunyai kaedah yang berbeza diantara dua bidang tersebut. Bidang yang sama tapi dipecahkan kepada dua ya. Yang makna ukiran kayu tu [itu] ialah ukiran pada dinding, perabot, pintu, hiasan rumah, masjid dan sebagainya. Itu dikategorikan sebagai ukiran kayu. Kalau ukiran halus ini lebih kepada senjata kerana seni motifnya adalah kecil

berbanding dengan ukiran kayu tadi.

A : Adakah encik juga mahir bidang kraf yang lain?

EH : Tidak, saya lebih tumpu kepada - ukiran. Tetapi akhir-akhir ini, pada tahun 2014, saya men---, bukan mencuba tetapi menghidupkan balik satu seni kraf yang telah lama ditinggalkan oleh penggiat-penggiat seni dinegara kita iaitu seni kain telepuk. Dia sama dengan songket tetapi kaedah pembuatannya sangat berbeza kerana songket dia tenun, menyulam tetapi telepuk ini adalah satu seni menggunakan cop daripada ukiran kayu - yang diproses menggunakan gam dan helaian ataupun kepingan kertas emas murni, emas yang sebenar ya, emas 100% iaitu emas yang nipis dipanggil prada terbang pada zaman dahulu. Sekarang ini, dipanggil *gold leaves* dalam Bahasa Inggeris dan kertas emas dalam Bahasa Melayu yang saya boleh dapati emas itu di Thailand. Kerana di Thailand penggunaanya sangat - apa ni [ini] sangat popular ataupun sangat - apa ni [ini] sangat (bunyi bisung) digunakanlah iaitu kerana mereka menampal emas-emas tersebut pada patung budha ya, pada setiap hari. Maka - permintaan emas itu sangat banyaklah, sangat popular di sebelah Thailand. Di Malaysia tak ada [tiada], kalau adapun dijual di - di mana, di tokong-tokong untuk penggunaan tersebut jugalah.

A : Sepanjang encik menceburi bidang ukiran halus selama 30 tahun apakah

pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan?

EH : Saya bukan 30, saya 40 tahun dah, saya bermula tahun 84 [1984], tahun depan 40 tahun. Saya banyaklah daripada - ya lah, daripada kita buat kerja lebih kepada *local product* [produk tempatan], *local* [tempatan] macam kraf biasa yang kita buat. Tapi di Besut [Terengganu] ni [ini] memang terkenal dengan ukiran kayu. Kalau dimana-mana pun orang mengukir, tidak - tidak sempurna kalau [kalau] tidak disebut mari belajar di Besut. Makna Besut ni [ini] adalah satu pusat yang - mengeluarkan pengukir-pengukir yang bagus di tanah air kita - sampai sekarang dan di Besut sendiri pun ada pusat latihan iaitu Desa Ukiran Kayu dan mempunyai tukang-tukang ataupun seniman-seniman ukir yang sangat terkenal iaitu guru-guru yang saya sebutkan tadi. - Kenangannya ialah ginilah [beginilah] kalau kita dengan kerja ukiran ni [ini] saya dapat menjelajah hampir seluruh dunia (bunyi bising) dengan berbekalkan ilmu yang ada untuk dipamerkan dan diperagakan di mana - di Eropah di --- Itu pun saya baru balik daripada United Kingdom, dipanggil Malaysian Pavillion di High Commision Malaysia dalam 2 minggu lepaslah saya baru balik, - *which is* [iaitu] salah satu daripada apa ni [ini] kemahiran yang saya ada. - Satu lagi, ___ selain daripada tulah [itu lah] saya dapat menjelajah, saya dapat mengenal negeri orang, dunia luar. - Saya dapat pengiktirafan - daripada Tokoh Seni Negeri Terengganu daripada Tokoh Adiguru, Adiguru Ukiran Halus - dan yang paling tinggi saya dapat Tokoh Kraf Negara pada tahun 2022 ya. Mana yang tertinggi dalam bidang kraflah. Selain daripada itu, saya dapat juga daripada ___ daripada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan iaitu Warisan Kebangsaan Orang Hidup, iaitu diri saya NI [ini] diwartakan oleh kerajaan di bawah UNESCO [The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization]. Selalunya diwartakan bangunan, bangunan lama tu [itu] diwartakan supaya tidak boleh diroboh, tidak boleh dirosakkan. Tapi, - kerajaan Malaysia mewartakan diri saya seorang kerana mempunyai pengetahuan, dalam diri dia itu ada pengetahuan yang perlu dijaga dan jadi sebagai warisan negara.

A : Okay

EH : Yang ketiga ialah pengiktirafan daripada akademik iaitu ---, walaupun saya belajar - sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tetapi saya diiktiraf oleh akademik sebagai Profesor Adjung di tiga buah universiti. Pada 2008, saya diiktiraf oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dibawah ATMA [Institut Alam dan Tamadun Melayu], akademi raja melayu sebagai Profesor Adjung dan tahun yang sama juga UniSZA [Universiti Sultan Zainal Abidin] Terengganu - mengiktiraf saya sebagai, melantik saya sebagai Profesor Adjung dan tahun lepas saya dilantik oleh Universiti Malaysia Kelantan selama 2 tahunlah pada tahun 2022-2023, sampai tahun ni [ini] lah. Itu satu yang pada saya sangat mengejutkan kerana kalau tinggi melana di pengiktirafan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan itu tidak pelik, kerana itu adalah susur galur bidang saya sendiri tapi dalam bidang akademik itu agak mengejutkanlah kerana di beri satu pengiktiran oleh akademik ini satu yang, kerana saya bukan orang akademik dan saya bukan - apa ni mungkin kerana, bukan mungkin tapi bila saya tanya kenapa boleh kerana dia kata kerana pengetahuan kita itu sebenarnya adalah akademik juga. Pengetahuan dalam bidang yang saya ceburi, yang saya pegang itu dengan kefahaman saya itu yang saya kongsi bersama dengan akademik. Dan banyak universiti yang menjemput untuk memberi ceramah dan pembentangan kertas berkenaan dengan seni ukiran tanah air.

A : Berapa hari encik pergi ke United Kingdom tu [itu]?

EH : 2 minggu tapi - program dalam 8 hari bermula 6 hari bulan bersamaan dengan hari pertabalan King Charles III [Charles Philip Arthur George].

A & F : Oh

EH : Dan saya juga diberi penghormatan untuk mengukir jata ataupun *emblem* [] Raja Charles III oleh Permaisuri Agong [Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, DK., DMN., SSAP., SIMP., DK.(Johor)., SPMJ., PKC., PKT., PJK., DK. (Brunei)] untuk dihadiahkan kepada Raja Charles selepas pada pameran yang kita adakan pada hari tersebut, 6 -14 haribulan.

A : Adakah encik mempunyai ramai rakan-rakan sekerja di tempat kerja sewaktu encik bekerja dahulu? Ke macam mana?

EH : Ya lah, kalau kita bekerja memang adalah, memang kenallah, tapi bukan kerana saya kenal semasa saya bekerja tapi kerana lamanya saya berkecimpung dalam bidang ni [ini], maka saya mempunyai ramai sahabat dan kenalan, ialah 40 tahun. Jadi saya mula menceburi dalam perniagaan dalam bidang ni [ini] pada tahun 1980, bermakna saya mempunyai kerja yang akhirnya bukak [buka] sendiri, perusaha sendiri selepas daripada bekerja lebih pada 10 tahun ____ . Jadi mungkin 3 ataupun 4, 5 generasi yang saya sudah lalui dengan apa pada generasi sekarang ni [ini] adalah ada makna generasi- genera --- (hubungan terputus)

A : Maaf ya encik, ada (bunyi batuk) masalah teknikal kejam. Jadi kita teruskan ya. Adakah ada rakan-rakan sekolah atau rakan-rakan yang

encik kenal juga menceburi seni ukiran halus? (diulang)

EH : Tak ramai, saya mempunyai rakan yang berlainan bidang sebab seni ukir ni tak ramailah orang cebur dan tak ramai orang buat dia sebagai satu mata pencarian. Jadi kawan-kawan saya biasanya mempunyai dalam bidang lainlah bukan bidang ni. Saya kenal pengukir pun daripada pengukir-pengukir luar lah yang sama bidang, di mana dalam persatuan saya kenal banyak dalam persatuan lah pengukir-pengukir lain.

A : **Boleh kami tahu berapakah masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu karya ukiran kayu ini?**

EH : Bergantung kepada kerumitan - motif itu sendiri.

A : **Jadi siapakah antara kalangan orang ternama yang encik temui?**

EH : Ramai lah antaranya sultan-sultan dalam negara kita, Sultan Terengganu, Sultan Selangor, Sultan Perak, Agong, dan King Charles sendiri lah saya jumpa semasa saya membuat ukiran kayu di Oxford University di *Islamic Center* [Pusat Islam] di United Kingdom pada tahun 2010 dan 2017. Lain-lain ramailah pembesar-pembesar negara, dalam bidang yang saya cebur ni [ini] ramai yang saya boleh berkenalan dan boleh berjumpa di atas sebab seni yang saya bawa.

A : **Dari kajian kami, encik telah menghasilkan seni ukiran kayu hiasan**

dalam dewan pusat pengajian islam Universiti Oxford bukan? Jadi, bolehkah encik ceritakan serba-sedikit tentang hasil seni ukiran itu?

EH : Seni tu [itu] agak sukar sikit kerana kita buat di pusat pengajian di negara luar, maka untuk nak sesuaikan motif-motif tu [itu], kita perlu gabungkan motif-motif melayu yang kita bawa dengan motif islamik ya islamik juga kerana universiti tu [itu] *Islamic Center* [Pusat Islam], maknanya kita gabungkan motif-motif islamik dan juga motif daripada tempat asal, maknanya motif di Oxford University, maknanya saya kena *study* [belajar] juga lah motif-motif yang sedia ada di Oxford dan - kena tahu juga motif-motif islam dan motif-motif daripada tempat kita ni [ini] mudah lah, jadi saya gabungkan tiga elemen dicantum jadikan satu karya yang diterapkan di pusat pengajian tersebut yang mungkin beratus tahun lagi kalau tak kiamat maka orang boleh melihat lah hasil seni yang dibuat oleh melayu, daripada Malaysia.

A : Selain daripada itu, apakah ukiran-ukiran kayu yang telah encik hasilkan?

EH : Banyaklah selama empat puluh [40] tahun tu [itu] nak cerita pun banyakkann istana dan rumah orang-orang kaya sebab ukiran ini hanya kerana dia mempunyai nilai yang tinggi dan kos yang besar, mahalnyanya kerana kos tu perlu cerewet dia tu maka memerlukan masa yang lama memerlukan pengukir-pengukir untuk membantu saya sendiri, mana pengukir yang berpengalaman lebih daripada sepuluh [10] ke dua puluh [20] tahun maknanya kena bayar tinggi. Lepas tu menggunakan yang kayu-kayu bermutu tinggi seperti cengal, merbau yang mahal, yang tinggi harganya dan juga semua perlu diteliti, itu yang membuatkan ukiran itu mahal jadi maka yang dapat memiliki ialah mereka yang berkedudukan tinggi, ataupun orang yang ada saudara-saudara besar yang dapat memiliki tapi sekarang dengan adanya mesin dapatlah juga oghe-oghe [orang-orang] kebanyakkan atau pun oghe-oghe [orang-orang] yang

sedehana berpendapatan sederhana dapat memiliki walaupun tidak --- sebab satu pintu tu [iru] saya pernah buat dengan nilai RM300,000 sepasang pintu, satu pintu tu pernah saya buat jadi maknanya sangat tinggi nilai, tinggi tu kerana kerumitan yang perlu kita lakukan ya - perlu kita teliti untuk mendapatkan kehalusan kerja dan juga pada masa yang sama kita kena kita perlu terapkan kesenian melayu di situ maknanya kena letakkan *image* [gambar] ataupun kena letakkan bahasa, bahasa melayu di situ macam kita bercakaplah kalau kita tengok rupa oghe [orang], kita tak tahu daripada mana manusia ataupun oghe [orang] itu tetapi bila dia berbahasa dia mula mengeluarkan kata-kata maka kita tahulah oghe [orang] itu daripada mana asal dan dengan bahasa-bahasa yang mereka gunakan dengan orang yang mahir dalam berbahasa maka bahasa itu teratur dan tersusun, maka indahlah apa ni percakapan ataupun perbualan di situlah kita boleh mengenal. Dalam seni ukir pun macam tu kita nak tengok ukiran pada pintu perlu dengan olahan bunga yang apa ni mempunyai susunan bunga yang betul yang tepat yang harmoni maknanya disitu mempunyai kemahiran yang tinggi sebab orang akan menilai disitu dan orang yang melihat itu bunga Melayu, bunga Thailand *oghe-oghe* [orang-orang] yang kenal bunga-bunga melalui motif-motif yang ada di pada pintu ataupun dinding-dinding bangunan ya. Kita boleh mengenal dengan hanya melihat motif sebab motif itu memberi gambaran kepada identiti setiap bangsa sebab Kelantan lain, kalau Terengganu pun lain *so* [jadi] kita boleh kenal bunga daripada Perak lain, bunga daripada Kedah, Pahang. Jadi disitu kita perlu berhati-hati kerana dia akan memberi *image* [gambaran] kepada, macam saya diberi tugas, tanggungjawab untuk menghasilkan ukiran di Oxford tetapi itu bukan hanya untuk saya tetapi untuk bangsa melayu kita. Saya mewakili oghe [orang] melayu di tanah air di Malaysia. Kalau ukiran itu tidak bagus maka keseluruhan akan tempias tu akan dapat. Kalau dapat pujian maka semua dapat. Makna dibuat oleh siapa? orang melayu di Malaysia. Makna itu perlu dijaga dengan baik. Itu memerlukan pengalaman yang lama bukan kerana kita pandai saja tetapi kerana kita mempunyai pengalaman dalam pengetahuan ya dalam bidang yang kita ceburi itu.

A : Jadi, kehalusan seni ukiran encik telah mendapat perhatian di luar negara dan disebabkan itu encik telah menerima beberapa tempahan daripada luar negara dan dalam negara. Apakah yang encik lakukan untuk mempromosi ukiran yang dihasilkan?

EH : Saya tak banyak *promote* [promosi] tetapi selalunya agensi-agensi kerajaan dari Kraftangan Malaysia, Malaysian _ _ _ dan juga sekarang ni apa ni kita ada *social media* [media sosial] orang datang ambil gambar, saya tak banyak *promote* [promosi] tapi orang tahulah sebab bila kita nak duduk dalam satu bidang kita mesti ada top ten [senarai kesepuluh] dalam nama dalam bidang itu. Kalau saya seorang penjual ikan contohnya, saya mesti duduk dalam sepuluh senarai teratas macam mana saya nak duduk dalam tu[itu] ha itu kita kena berusaha lah untuk nak dapatkan dalam senarai sepuluh tu. Jadi kerana saya ni dah lama, mustahillah saya ni takda [tiada] dalam sepuluh senarai tu kan? Jadi maknanya mungkin saya orang yang paling lama dan yang paling tua dalam bidang ni [ini]. Jadi, kalau kita baru berkecimpung walaupun hebat mana kita pun susah untuk kita nak melangkaui nak melangkah ke depan ya, apa ni langkah bendul tu agak sukar walaupun kita pandai sebab ia memerlukan pengalaman dan masa yang lama untuk orang kenal kita sebab ini kita ini mengerjakan suatu apa ni suatu yang berseni ni [ini] mesti melalui proses yang agak panjang untuk orang kenal. Melainkan kita dapat satu anugerah ataupun hadiah, memenangi *competition* [pertandingan] di luar negara mendapat pertama, itu mungkin dapat cepat untuk kita melangkah ataupun langkah bendul lah ya. Macam saya ni [ini] saya lambat orang nak kenal pun memerlukan masa yang lama. Jadi sekarang ni [ini] saya sudah berumur dan dah menjadi orang tua dalam bidang ni [ini] untuk rujukan apa semuanya jadi tok guru saya dah meninggal maka sayalah yang mengambil alih tempat guru-guru saya untuk menjadi, untuk menjaga institusi ukiran tu sendiri. Kebetulan pula saya ni adalah Yang di-pertua Persatuan Ukir Malaysia selama lebih pada sepuluh [10] tahun lah 2011 sampai 2023 ni makna sudah dua belas [12] tahun. Jadi itupun pelantikan pun kerana saya ni orang lama dan itu yang saya boleh bantu dalam bidang seni dalam bidang ukiran kayu Malaysia. Jadi supaya

generasi muda akan mengikuti langkah-langkah yang dilakukan oleh orang yang terdahulu. Selain daripada kita pandai buat kita menggunakan dia macam kita duduk atas satu kapal ataupun satu rakit lah kalau kita bercakap ikut bahasa orang kampung kita, kita nak buat satu benda ni macam seni ukir ni dia ada persatuan-persatuan ibarat rakit di mana ahli-ahli tu akan duduklah di atas rakit itu maknanya kalau tepuh [langgar] Jeram, tepuh, langgar gelombang dan sebagainya maka semua oghe [orang] akan mendapat kesan daripada perkara tersebut. Jadi kita perlulah saling bantu-membantu untuk mendapatkan - kebaikan dalam nama bidang itu sendiri, nama persatuan itu sendiri perlu dijaga. Itulah antara - perkara yang perlu dilihat sebab kebanyakan pengukir ni lebih pada *one man show* [persembahan solo] ataupun dia lebih kepada solo, dia buat kerja sendiri, duduk di rumah, duduk di rumah dapat tempahan buat sendiri, sedap je [sahaja] sendiri tapi itu satu kaedah yang lambat dan juga sangat *orthodox* [kuno] sangat cara lama tapi kalau kita berkumpul kita dapat maklumat-maklumat sekarang ni mudah kita ada *social media* [media social], ada telefon mudah kita nak mencari bahan bila kita kekurangan ataupun tidak ada bahan macam zaman dahulu susah perlu kena kita kena bergerak secara berseorangan kena bawa kenderaan pergi cari sekarang ni [ini] kita tanya, menanya ataupun tanya kawan rakan-rakan melalui telefon mana ada dan dia orang boleh hantar. Ni [ini] kemudahan yang ada, sangat berkesan ataupun sangat baik untuk kita gunakan kerana kemudahan tersebut maka cepat kita dapat lakukan kerja-kerja seharian kita dalam bidang ukiran tu sendiri.

A : Walaupun ada peralatan moden, adakah encik masih mengekalkan kualiti dan kehalusan seni ukiran kayu yang dihasilkan?

EH : Ukiran kayu ni dia ada dua, satu kerana *design* [reka bentuk], motif yang kita gunakan macam menulis lah A, B, nak menulis mesti kena mahir dalam mesti kenal A, B, C sampai Z dan huruf-huruf itu digabungkan menjadi satu haraf

ayat dan ayat-ayat itu digabung-gabung dihubung-hubung menjadi satu karangan sama juga dengan ukiran. A, B, C sampai Z tu dia ada berapa belas, berapa puluh tak tahu dia punya huruf tetapi ukiran dia ada lima elemen. Lima elemen yang digabung-gabungkan oleh orang yang mahir maka dia menjadi satu bentuk ataupun satu corak yang indah disitu, itu satu bab ya. Bab kedua ialah untuk menghidupkan lagi olahan itu perlu diukir oleh orang yang mahir perlu diolah balik dengan menggunakan pahat atau pisau supaya dia lebih hidup - macam dengan lirik lagu lah. Kita tulis lirik tetapi kalau tak ada orang yang nyanyi kita baca je [sahaja] lah tapi dengan musiknya, menyanyi dan muzik itu ibarat melodi ataupun ibarat orang yang mengukir menghidupkan lagi bait-bait kata tu ataupun ayat-ayat tu jadi begitu kaedah dia sama dengan orang buat nyanyi dan puisi.

A : Adakah corak-corak ukiran tersebut terhasil daripada encik sendiri atau encik mempunyai rujukan untuk membuatnya?

EH : Ya lah, seperti itulah kita kena belajar tu [itu] macam kita menulis kita peringkat awal kita kenal dulu huruf lepas itu menyusun menjadikan ayat menyusun ayat menggabung-gabungkan menjadi karangan jadi karangan itu hak milik kita kan? Jadi maknanya motif-motif itu adalah motif-motif yang sudah sedia ada yang kita belajar tadi pastu [Ketawa] digabung-gabungkan kita ubah suai kita buat cara kita maka itu dipanggil karangan, mengarang motif ataupun mengolah motif. Samalah kita buat karangan mana kita tiru orang, kita tak [tidak] tiru salah tu tapi daripada mana kita dapatkan ayat tu [itu] mesti daripada huruf-huruf yang kita belajar kita tak boleh reka huruf nak tambah lagi lepas huruf Z tu [itu] cari huruf lain tak boleh orang tak boleh baca. Jadi maknanya gitu [begitu] lah juga ilham-ilham tu [itu] datang hanya untuk mengubah olahan membezakan olahan itu datang daripada ilham sendiri. Tetapi kita tak [tidak] boleh nak mengubah motif-motif itu sebab motif itu kekal

ataupun asal macam huruf lah huruf A boleh ubah? Tak [tidak] boleh dah. Tapi huruf A tu kita oleh cantik-cantik kalau orang tu [itu] tulisannya cantik huruf A akan jadi bentuk cantik sama dengan bunga kalau kita buat bunga satu kuntum lima kelopak kalau orang yang tak pandai lukis bunga, bunga dia tak jadi cantik tapi kalau orang yang mahir, orang yang boleh dia jadi bunga dia cantik walaupun bunga dia sama lima kuntum, Sama juga huruf A B U, Abu tapi kalau orang tulis tak [tidak] sama tulisannya. Yang dinamakan seni itu adalah olahan yang kita tulis tu [itu] corak ataupun olahan yang kita tulis tu [itu] A, B, U tu [itu] ha itulah dipanggil seni sebab dia tak sama, seni tu dia memang tak [tidak] sama. Ha itulah maksudnya.

A : Okay [Baiklah] jadi kami sedia maklum bahawa seni ukiran mempunyai motif-motifnya yang tersendiri. Apakah motif yang encik kerap gunakan untuk menghasilkan sebuah ukiran kayu.

EH : Bergantung kepada benda yang kita buat, kesesuaian tempat contoh kita dapat projek buat pintu, buat rumah oghe [orang], oghe [orang] tu suka bunga dia suka bunga sidang, bunga tikar seladang tu lah maka kita kena *study* [belajar] la sikit pokok tikar seladang kita tidak boleh tiru *direct* [terus] sebab orang melayu ni dia lebih pada kiasan maka motif-motif yang dibuat adalah berkias maknanya motif-motif itu perlu diambil elemen-elemen yang penting sahaja contohnya dia ada lima [5] kelopak banyakkan bunga ni lima [5] kelopak, enam [6] kelopak, lapan [8] kelopak. Jadi kita boleh buat dia enam [6] kelopak pun tetapi kita ambil elemen-elemen yang kuat pada bunga tersebut. Apa motif yang kuat pada bunga tikar seladang? Dia ada macam kat tengah-tengah tu dia ada satu macam timbul ha jadi kita ambil elemen tu untuk kenal pasti dia tu sebagai bunga tikar seladang yang lain tu kita boleh olah secara tersendiri. Itu kita panggil seni. Kalau kita tiru *direct* [terus] itu bukan *abstract* [abstrak] dia bukan kias sebab seni tu dia berkias. Seni itu mempunyai makna, dimaknakan

semula kan? [semua mengangguk] Macam bunga di negeri Selangor bunga tanjung ni banyak kelopak sembilan belas hingga dua puluh satu kelopak, halus-halus kelopak dia tetapi di Selangor, Selangor menggunakan Selangor menggunakan sembilan kelopak, tanjung sembilan kelopak, mana ada tanjung sembilan kelopak tetapi disebut sembilan kelopak bunga tanjung yang tu telah dikiaskan telah di mujarabkan atau telah di *abstract* [abstrak] kan supaya dia menjadi satu seni ya yang mewakili sembilan daerah di negeri Selangor itu maksud motif yang telah dikiaskan atau di *abstract* [abstrak] kana tau diolah dia tak boleh kalau tak olah tu dia jadi bunga hidup la macam kita ambil gambar *direct* [terus] tak boleh *direct* [terus] sebab orang melayu kita pun dalam apa-apa jua pun sebenarnya semua dia berkias tu orang melayu dia tidak *direct* [terus] macam oghe [orang] keling [india], oghe [orang] cino [cina] dia *straight* [lurus] ja. Kita berkias apa-apapun menyindir sekias-kias itu adalah sama juga dengan sindir itulah kias *abstract* [abstrak] adalah sindir sebenarnya. Kita sindir oghe [orang] tu kan? Kito [kita] jebah [Mengerutkan mulut]? Oghe [orang] tu kito [kita] jebah [mengerutkan mulut]? tu ada maksud tu kito [kita] cakap dok [tak]? Tahu jebah [mengerutkan mulut]? Kito buat mimik muka kito [kita] tu, mulut kito [kita] tu makna oghe [orang] tahu. [semua ketawa] Maknanya itu tak payah cakap oghe [orang] tahu ni dah dipanggil apa, dah menganjing [menyindir] kita kan? Kalau kita panggil menganjing [menyindir]. Jadi maknanya orang faham ha itu seni lah tu Nampak muka buruk tu itu kias, orang melayu sangat mahir dalam kias-mengias ni sindir-menyindir ni. Contohnya macam kita nak keluar kan, kawan-kawan kita nak keluar tapi dia tak ajak kita apa kita rasa? “Taknak ajak aku ke?” Maknanya itu sudah sindir itulah orang melayu maknanya dia penuh dengan kiasan penuh dengan sindiran dan kita terapkan di dalam karya-karya ataupun seni kita dalam bentuk sindir juga tapi bukanlah bunga tu kita buat bunga tak cantik tapi maksudnya kiasan itu memberi makna.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SUMBANGAN

A : Seperti yang kami tahu daripada sumber internet, kami mendapati empat orang adik-beradik encik telah mengikuti jejak langkah encik dalam menceburi bidang ukiran kayu. Adakah mereka menceburi bidang ukiran kayu hasil daripada tunjuk ajar dan bimbingan encik?

EH : Ya, peringkat awal ha peringkat awal dorang [mereka] mari kerja lepastu bila mereka mahir, mereka boleh bawa sendiri lah kan? Dengan kemahiran yang mereka ada mereka bawalah sendiri kebolehan mereka. Ada sorang tu dia jadi guru di pusat latihan di TTICT [Pusat Latihan Industri Kayu Terengganu] di hulu Terengganu. Satu tu dia buka sendiri, sorang lagi tu dia buat sendiri dia buat... dia tak main cara komersil sorang lagi tu dia bekerja dia buat sambilan ukiran kayu kerana ada kemahiran tu dia dapat memberi nilai tambah ataupun pendapatan tambahan. Yang serius ada dua orang lah. Yang serius yang menghasilkan ataupun buat seni ukir ni untuk mata pencarian dua orang.

A : Selain itu, adakah encik memberi tunjuk ajar kepada pelajar dan pelatih daripada agensi-agensi lain?

EH : Banyaklah. Tadi saya contoh tu yang masih lagi Yayasan Sultan Mizan. Dia setiap tahun dia *offer* [tawaran] lah kepada siapa-siapa yang berminat untuk dapat tunjuk ajar daripada sini daripada saya dan yang tu dibuat secara kelas, IKM [Institut Kemahiran Mara Besut] sendiri ada kadang-kadang buat kelas bila ada peruntukan bajet dia buatlah selama seminggu secara *online* [atas talian] dan juga cara bengkel bergantung pada peruntukan yang mereka dapatlah dan lain-lain banyakkann universiti tu datang melawat untuk taklimat lah gitu [begitulah] lah.

A : Apakah sumbangan pertama encik dalam memartabatkan industri kraf ukiran kayu?

EH : Itulah saya dulu seorang *rockers* [kumpulan muzik] biasanya orang mengukir ni orang-orang yang mat belia orang kata, orang yang bukan orang yang agresif tapi saya ni orang yang memulakan bidang seni ukir dengan orang yang agresif *rockers* [kumpulan muzik] orang tahulah rambut panjang jadi bila saya berkecimpung dalam bidang ini ramai anak muda yang rasa bolehlah pula kitorang agresif ni, orang ganas-ganas ni, *brutal* [kejam] ni jadi tukang ukir. Jadi, tidak ada hak lagi, jadi orang ingat tukang ukir ni orang-orang yang tak bercakap dengan orang, orang seni, suka duduk menyendiri, maknanya karakter-karakter yang macam tu selalunya menjadi dipanggil mudah ataupun selalunya karakter yang begitu orang yang sesuai dalam bidang ukiran tapi saya telah memecahkan sejarah tu ataupun memecahkan rekod tidak lagi hanya untuk orang-orang yang sentimental bukan untuk orang sentimental sahaja sebab seni ukir ni untuk orang sentimental lah jadi orang-orang yang dengar lagu dondang sayang, lagu-lagu ghazal, lagu Ahmad Jais ha jadi tak semestinya orang-orang macam tu, orang minat rock pun boleh jadi sekarang ni tidak terhad kepada karakter orang tu sendiri kalau minat saja dia dapat *explore* [meneroka] dalam bidang seni ukir.

A : Encik juga sering mengikuti program yang dianjurkan oleh agensi-agensinya terutama yang telah dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia bagi tujuan promosi di dalam dan juga luar negara. Apakah program-program yang pernah encik sertai di peringkat antarabangsa?

EH : Banyaklah, dah cakap dah tadi. Kalau tiap-tiap tahun ni sekurang-kurangnya dia buat Hari Kebangsaan pada akhir bulan dua selama empat belas [14] hari dan selalunya saya akan ikutlah setiap tahun. Satu lagi dipanggil FKJ Festival Kraf Johor sebelum pada hari kraf kebangsaan pada bulan dua belas [12] dalam bulan dua belas [12] hujung bulan dua belas [12] dan yang ke luar negara tu selalunya

kraftangan pilihlah yang usahawan-usahawan yang mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan untuk dihantar ke luar negara diantaranya... tapi saya belum ke arah timur, saya selalu ke arah barat ke Dubai, ke Milan, ke Paris, ke London dan juga ke New York. Kita pernah di Barcelona, di Sepanyol pun kita pernah mengikuti dipanggil mempromosi kraf Malaysia di negara-negara tersebut di bawah anjuran kraftangan Malaysia.

A : Kerana kemahiran dan pengetahuan encik dalam bidang seni ukiran halus, encik sering menjadi pakar dalam rujukan yang menyebabkan seni ukiran kayu. Adakah ianya benar?

EH : Ya lah, sebab tadi saya sebut kerana saya ni bukan pandai sangat tapi kerana pengalaman empat puluh [40] tahun itu ya lah kalau empat puluh [40] tahun kalau tak bukan dia sangat ya tak? Pengalaman lama ni sebagai orang empat puluh [40] tahun ni kalau manusia pun tua sangat dah empat puluh [40] ni boleh cucu. Saya ni umur enam puluh [60] makna saya berkecimpung saya awal 20-an jadi benarlah kalau dah empat puluh [40] tahun makna ada banyaklah pengalaman yang saya lalui bukan kerana kebijaksanaan saya tidak tapi kerana pengalaman tadi, saya dah lalui banyak jadi kalau orang-orang baru melalui proses ni [ini] saya dah lalu dah kalau dia kata saya ada masalah ni dia tanya berapa tahun dia kata tiga [3] tahun, tiga [3] tahun kita dah lalu dah. Masa kita tiga [3] tahun dulu masalah-masalah yang telah tempuhi contohnya kalau kita nak pergi Kuala Lumpur, saya dah pergi dah Kuala Lumpur dorang [mereka] baru nak pergi tapi bila dia tak sampai di Kuala Lumpur dia kata sampai di Kuala Terengganu ada selekoh tajam, jadi saya dah lalu selekoh tu sebelum saya sampai Kuala Lumpur. Jadi maknanya pengalaman dah lalu, sepuluh [10] tahun pengalaman saya dah lalu dah, dua puluh [20] tahun pengalaman pun saya dah lalu dah. Makna kata berapa umur saya? Ooo lama lama saya, dua puluh lima [25] tahun. Maknanya saya dah melalui proses selama lima belas [15], dua puluh lima [25] tahun tu walaupun memang lama masa tu tapi saya dah melalui proses-proses itu dan banyak pahit getir yang saya

lalui onak ranjau kan? Tetapi kerana benda yang kita minat tu ranjau onak penat tu menganggap duri tu tak tajam lah sebab kita suka betul tak? Betul tak? Orang perempuan dia suka kepada orang lelaki tu kalau dia sepak terajang kita yang dia tak suka ni. Bila dia tak suka orang tu marah sikit pun dia kecil hati betul tak? Maknanya sebab tu bila kita nak pilih bidang, pilih bidang yang kita suka, jangan pilih bidang yang gaji mahal, jangan pilih bidang ikut kawan, kita kena pilih bidang yang kena sesuai dengan kita baru kita tak rasa. Kalau orang tanya ada tak macam pengalaman susah tak adalah sebab susah tu kita anggap tak susah sebab bidang tu kita suka itu membantu kita, banyak membantu kita.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN

N : Encik pernah menghasilkan buku yang bertajuk ukiran seni warisan kayu?

EH : Saya tidak menghasilkan buku, tapi saya ni adalah orang yang cerita saya dalam tu contohnya kalau buat filem kita tengok drama pete-pete [petang-petang] tu bukan pelakon tu yang buat buku jadi pengarah jadi apa, dia sebagai pelakon pengisian tu orang tu jadi pengalaman saya tu dibukukan oleh syarikat lain bukan saya yang bikin [buat] buku tu, bukan. Antaranya Spirit Of Wood, Lakar banyak buku yang terbaru ni seni telepuk, seni jejak langkah suka lepas tu menyelusuri seni Norhaiza Noordin banyaklah buku-buku yang mungkin ada tengoklah dalam *website* [laman web] dalam FB [Facebook] boleh tengok lah dalam tu.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: HARAPAN

A : Encik dah bersedia?

EH : (menghantar mesej melalui ruang bual di Webex menyatakan bahawa beliau dalam panggilan telefon)

A : Ya encik

A : Okay encik. Dah bersedia?

EH : Dah

A : Encik sekarang kita beralih ke bahagian terakhir iaitu bahagian harapan. Sekiranya encik diberikan peluang untuk menarik minat lebih ramai golongan anak muda untuk terlibat sama ada dalam bidang kraf seni ukiran halus apakah tindakan dan harapan encik yang ingin menceburi diri dalam bidang ukiran kayu?

EH : Saya mengalu-alukanlah sebagai orang yang lama dalam bidang ini. Saya sangat berharap supaya generasi muda akan dapat meneruskan legasi (bunyi bising) ukiran ini. Sekaligus, dapat memberi - ada dua situ. Satu, dapat memberi pengenalan bagaimana kita orang melayu, budi pekerti kita orang melayu yang diterapkan dalam seni ukir itu sendiri dan dalam masa yang sama dapat memberi nafkah ataupun pendapatan untuk kehidupan untuk keluarga. Jadi ukiran ini bukan sekadar - menceritakan tentang kesenian sahaja tapi dapat memberi menambahkan pendapatan dan juga boleh dijadikan sebagai mata pencarian. Itu yang saya harap.

A : Apakah nasihat yang encik hendak berikan kepada mereka supaya tidak berputus asa sewaktu mempelajari asas seni ukiran halus?

EH : Kita perlu minat dulu. Yang pertama kena minat, saya sebut tadi kalau ada minat, maka masalah-masalah terpencil dan masalah besar pun kita dapat atasi kerana itu sesuatu yang kita inginkan, satu yang kita minat ini dapat membantu memudahkan usaha kita untuk meneruskan, ataupun untuk tetap dengan pendirian dalam bidang ukiran kayu, seni ukiran kayu.

A : Sebagai pemilik bengkel yang telah lama dalam bidang kraf ukiran, apakah harapan encik terhadap perniagaan dijalankan sekarang?

EH : Perniagaan itu, kerana saya pun orang dah kenal, jadi pada saya tidak masalah lagi lah, tidak perlu banyak *promote-promote* [mempromosi] kerana *promote* [mempromosi] banyak pun, kita tidak mampu untuk menyediakan tempahan sebab ia memerlukan masa yang agak lama dan agak rumit tetapi dalam masa yang sama, selain daripada produk yang saya buat untuk tempahan, kita ada juga buat produk *readymade* [siap pakai] untuk boleh dibeli melalui agensi-agensi kita seperti kraftangan dan sebagainya. Dan juga, kita menyediakan kelas-kelas dalam membantu, kelas untuk, contohnya macam memberi *knowledge* [pengetahuan] ilmu kepada orang yang berminat juga agensi kerajaan dalam masa yang dipanggil - 3 hari seminggu, tidak lebih daripada seminggulah kita ada buat kelas untuk jangka masa pendek. Kita tidak ada kelas yang jangka masa panjang melainkan daripada Yayasan Sultan Mizan dan juga yang selama setahun itu memerlukan satu komitmen yang tinggi. Tapi kita ada juga kelas kepada orang yang berminat tetapi tidak memerlukan masa yang lama untuk belajar, paling tinggi pun seminggu, 3 hari, 5 hari. Kita ada menyediakan kelas-kelas macam itu.

A : Pada masa ekonomi negara kita agak merosot akibat pandemik Covid-19 boleh tak encik ulaskan sedikit berkenaan dengan Bengkel milik encik dan kerja-kerja encik?

EH : Itu memberi kesan yang besarlah kepada bidang ini sebab bidang seni ukir ini bukan keperluan, bukan perkhidmatan. Dia adalah satu perniagaan yang memerlukan pelanggan yang mempunyai duit yang lebih untuk menghias rumah mereka. Jadi kalau kita nak buat pintu tidak perlu ada ukiran pun, pintu itu tetap berfungsi. Kalau kita nak buat hiasan pada dinding, tidak perlu ukiran pun, dinding itu berfungsi sebagai dinding walaupun kosong. Jadi memberi kesan yang sangat besarlah kepada bidang seni ukir tapi alhamdulillah kerana kerja-kerja ukir ini memerlukan masa yang lama, ada tempahan-tempahan yang kita buat dalam pandemik selama 2 tahun tu [itu], kita dapat menyiapkan dalam masa 2 tahun itu kita dapat siapkan tanpa memerlukan tempahan yang baru. Jadi kita cuma sudahkan barang yang sudah ditempah, jadi tidak ada masalah bagi Bakawali dengan tempoh 2 tahun itu.

A : Soalan yang terakhir, Apakah harapan dan nasihat yang encik hendak berikan kepada masyarakat dan anak muda supaya tidak berputus asa dalam mengekalkan budaya seni ukiran tradisional serta tidak melupakan seni ukiran kayu?

EH : Sepatutnya kita kena tahu apa yang kita buat, ukir ini bukan satu perniagaan semata, dia adalah juga memberi 1 motivasi kepada kita. Sebab seni ukir itu, kalau kita tengok lahannya dalam petak, yang dalam petak, dalam bulatan, dia macam sesuatu yang mengajar, memberi satu makna - kehidupan yang baik. Macam, kita kena faham, kita kena belajar, bukan sekadar, bukan dia cantik, sebab itu ukiran itu cantik kerana ia mempunyai makna-makna yang tersirat didalam olahan seni ukir itu sendiri. Jadi kalau kita memahami itu, kita akan lebih sayang kepada seni itu sendiri. Dalam masa yang sama, dia memberi juga makna-makna dalam

ketuhanan, ilmu agama yang mempunyai contohnya kelopak lima [5] mempunyai makna rukun islam, kelopak enam [6] rukun iman dan ada makna-makna tertentu kalau kita menghayati secara mendalam. Selain daripada itu, dalam masa yang sama juga dia memberi keindahan juga memberi identiti. Diorang tahu ini adalah ukiran melayu. Nak kenal ukiran melayu, sekian-sekian-sekian, maknanya ada bacaan-bacaan tertentu untuk kita boleh kenal. “Bacaan kat mana ni boleh tahu ini ukiran melayu?” dia ada ciri-ciri khas yang perlu diketahui. Jadi ini yang menyeronokkan kita untuk menjadi seorang pengukir. Dalam masa yang sama juga, ukiran atau silatan itu juga, silatan atau pahatan sedemikian hanya ukiran melayu sahaja yang buat silatan ataupun pahatan yang sedemikian. Berbeza dengan pahatan daripada Thailand, pahatan daripada Burma, daripada Vietnam, daripada Indonesia sangat berbeza. Jadi kita boleh faham macam sama dengan dialek ataupun bahasa yang kita cakapkan atau kita bahasakan. Jadi itu memerlukan pengalaman ataupun masa yang agak lama untuk memahami apa itu seni ukir sebenar, selain daripada kita melihat keindahan dan juga mendapat sumber kewangan daripada hasil buatan itu sendiri.

A : Jadi terima kasih encik atas Kerjasama yang diberikan. Dengan ini - - -

EH : Sama-sama

A : Tamatlah (mengangguk) temubual mengenai pengalaman dan sumbangan encik Norhaiza bin Noordin dalam menceburi bidang kraf seni ukiran halus semenjak tahun 1984. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menarik minat dan menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang kraf seni

ukiran halus untuk para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih encik.

EH : Sama-sama.

F : Terima kasih encik.

A : Maaf mengganggu.

TAMAT BAHAGIAN 6

RUJUKAN

- Ammar. (2017). Kraftangan Malaysia - Encik Norhaiza bin Noordin. Kraftangan.gov.my. <https://www.kraftangan.gov.my/en/info/master-craftsmen/master-craftsmen/encik-norhaiza-bin-noordin>
- Desaukirankayu. (2014). Desa Ukiran Kayu: TOKOH PENGUKIR BESUT – ADIGURU NORHAIZA BIN NOORDIN. Desa Ukiran Kayu. <http://desaukirankayu.blogspot.com/2014/12/tokoh-pengukir-besut-adiguru-norhaiza.html>
- Norhaiza bin Noordin - Kraftangan. (2023, May 3). Kraftangan. <https://mycraftmuseum.com/portfolio/norhaiza-bin-noordin/>
- Primuscoreadmin. (2015, December 20). Desa Ukiran Kayu. Portal Rasmi Majlis Daerah Besut (MDB). <http://mdb.terengganu.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/desa-ukiran-kayu/page/0/5>
- SEJAHAN, Z. H. (2022, February 26). Anugerah Tokoh Kraf Negara 2022. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/anugerah-tokoh-kraf-negara-2022/>
- User, S. (n.d.). SENARAI ORANG HIDUP STATUS WARISAN KEBANGSAAN (WAKOH). JWN 2020. Retrieved July 29, 2023, from <https://www.heritage.gov.my/kenali-daftar-warisan/cawangan-pewartaan/unit-inventori-dan-penyelidikan/2-info-jwn/448-senarai-orang-hidup-status-warisan-kebangsaan-wakoh.html>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Norafida dan Nur Aina Nazihah menemumul Encik Norhaiza bin Noordin, yang dilahirkan pada 1963, di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Temubual dijalankan di online platform Webex, mengenai seni ukir dan pengalaman beliau sebagai seorang pengukir selama lebih kurang 40 tahun.

Masa	Subjek	Nama/ tempat/ rujukan
Bahagian 1: Latar belakang tokoh		
1.04	Nama sebenar	1. Norhaiza Bin Noordin
1.12	Menceritakan nama panggilan	1. Nama panggilan Abang Ja
1.27	Tarikh lahir	
1.39	Tempat Lahir	1. Kampung Raja, Besut, Terengganu
1.45	Tempat tinggal	1. Kampung Raja, Besut, Terengganu
1.57	Nama ibu dan ayah	
2.13	Adik-beradik	1. 12 orang adik-beradik 2. Merupakan anak sulung
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan		
4.38	Sekolah	1. SK Tengku Mahmud 2. SMK Tengku Mahmud 3. Subjek kegemaran
4.54	Subjek kegemaran	1. Geografi 2. Seni Lukis

5.16	Cita-cita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Minat ingin menjadi askar 2. Minat ingin menembak orang. 3. Ingin menjadi polis
7.08	Pengalaman yang tidak dapat dilupakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ponteng sekolah 2. Kena kejar dengan guru
7.30	Menyambung pengajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak menyambung pengajian 2. Mencari kerja selepas SPM sehingga menceburi bidang seni lukis
Bahagian 3: Pengalaman kerjaya		
8.25	Pekerjaan pertama	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengikut rakan-rakan bekerja di Singapore selepas tamat sekolah. 2. Bekerja lebih daripada 3 tahun
9.20	Berkerja sebagai pengukir kayu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mencari pengalaman 2. Mengikuti kawan selepas tamat SPM
10.01	Mempelajari seni ukiran tradisional	<ol style="list-style-type: none"> 1. Di bengkel ukiran kayu yang dimiliki oleh Wan Su, seorang tokoh seni ukiran kayu. 2. Beliau mempunyai bengkel dan perniagaan bersebelahan sekolah Tengku Mahmud 3. Mencari pekerjaan sesuai dengan jiwa beliau. 4. Mengikuti perkembangan dan bekerja pada tahun 1984
13.21	Masa yang diambil untuk mahir dalam seni ukiran halus	<ol style="list-style-type: none"> 1. 3 tahun ketika mempelajari daripada Tengku Ibrahim

14.55	Bidang kraftangan yang diceburi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seni ukiran kayu termasuk seni ukiran halus 2. Seni ukiran halus lebih kepada pembuatan ukiran pada hulu dan keris 3. Mempunyai kaedah yang berbeza.
27.50	Masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu karya ukiran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bergantung kepada kerumitan motif
28.10	Kalangan orang ternama yang ditemui	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sultan-sultan negara kita 2. King Charles 3. Pembesar-pembesar negara
29.20	Menghasilkan seni ukiran kayu hiasan dalaman pusat pengajian islam Universiti Oxford	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggabungkan 3 elemen iaitu motif melayu, motif tempat asal dan motif islamik
31.11	Ukiran-ukiran yang telah dihasilkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ukiran di istana dan rumah orang-orang kaya 2. Menggunakan kayu yang bermutu tinggi seperti cengan dan merbau yang mahal 3. Menghasilkan pintu yang mencecah nilai sehingga RM300,000
35.53	Cara mempromosikan ukiran yang dihasilkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Beliau tidak banyak melakukan promosi kerana nama beliau telah terkenal di peringkat antarabangsa 2. Kraftangan Malaysia yang mempromosikannya 3. Orang luar datang dan mengambil gambar, meletakkannya di media sosial

		4. Berada di dalam sepuluh senarai teratas
41.33	Mengekalkan kualiti dan kehalusan seni walaupun ada peralatan moden	<ol style="list-style-type: none"> 1. Reka bentuknya digabung-gabungkan menjadi satu bentuk atau corak supaya dapat menyampaikan maksud rekaannya 2. Untuk menghidupkan olahan motif, pengukir perlu mengolah balik dengan menggunakan pahat atau pisau supaya ianya menjadi lebih indah dan lebih hidup
43.15	Corak-corak terhasil daripada idea sendiri atau membuat rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Belajar sendiri dari motif yang sedia ada tetapi diubah suai motif tersebut digabungkan dapat disusun akan menjadi ayat yang indah 2. Mengubah mengikut ilham sendiri
45.34	Motif yang kerap digunakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bergantung kepada kesesuaian projek dan permintaan pelanggan 2. Motif bunga
Bahagian 4: Sumbangan		
49.57	Sumbangan tunjuk ajar kepada adik beradik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi tunjuk ajar pada peringkat awal 2. Memberi peluang pekerjaan
51.32	Sumbangan dalam bidang akademik atau kokurikulum	<ol style="list-style-type: none"> 1. Beri tunjuk ajar dengan mengadakan kelas di bengkel beliau 2. Memberi tunjuk ajar secara kelas atas talian 3. Memberi taklimat
52.34	Sumbangan pertama dalam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memecahkan sejarah/ rekod bahawa

	memartabatkan industri kraf ukiran kayu	bidang ukiran ini bukanlah untuk orang-orang yang sentimental sahaja tetapi orang rockers juga mampu menceburi bidang ukir kerana beliau dulu juga seorang budak rock.
54.41	Sumbangan pada peringkat antarabangsa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengikuti program Hari Kebangsaan setiap tahun 2. Mengikuti program FKJ [Festival Kraf Johor] 3. Dipilih oleh kraftangan untuk menyertai program-program di luar negara untuk mempromosi kraf Malaysia
56.43	Sumbangan menjadi pakar dalam rujukan seni ukiran kayu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjadi pakar rujukan seni ukiran kayu kerana mempunyai pengalaman selama lebih kurang 40 tahun 2. Memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman
Bahagian 5: Pencapaian		
1.00.35	Terdapat buku yang dihasilkan oleh syarikat lain mengenai beliau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat buku yang dihasilkan menceritakan pengalaman beliau sepanjang berkecimpung dalam bidang seni ukiran halus
Bahagian 6: Harapan		
1.03.00	Harapan beliau kepada golongan anak muda dalam bidang seni ukiran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengalu-alukan anak muda supaya dapat meneruskan legasi ukiran ini. 2. Memberikan pengenalan bagaimana kita orang Melayu, budi pekerti yang diterapkan dalam seni ukir itu sendiri

		<ol style="list-style-type: none"> 3. Boleh menambahkan pendapatan dan dijadikan mata pencaharian.
1.04.29	Nasihat supaya tidak berputus asa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menasihatkan supaya perlu ada minat dahulu supaya masalah-masalah terpencil dapat diatasi. 2. Menasihatkan untuk tetap dengan pendirian
1.05.18	Harapan terhadap perniagaan yang dijalankan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat banyak ukiran yang readymade yang boleh dibeli melalui agensi-agensi seperti kraftangan. 2. Menyediakan kelas-kelas dalam membantu untuk memberi pengetahuan kepada orang yang berminat
1.07.21	Ulasan berkenaan perniagaan sewaktu pandemik Covid-19	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kesan yang besar kerana bidang seni ukir bukan bidang keperluan dan perkhidmatan. 2. Memerlukan pelanggan yang mempunyai duit lebih/ kaya 3. Menyiapkan tempahan-tempahan sepanjang 2 tahun pandemik
1.09.00	Harapan dan nasihat kepada masyarakat dan anak muda supaya tidak berputus asa dalam mengekalkan budaya seni ukiran tradisional	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seni ukir sesuatu yang mengajar, memberi makna kehidupan yang baik dan setiap ukiran itu membawa makna-makna yang tersirat 2. Memberi makna-makna ketuhanan dan ilmu agama 3. Seni ukir memberi keindahan dan memberi identiti 4. Menyeronokkan menjadi pengukir jika

		<p>orang yang melihat ukiran kenal ukiran-ukiran Melayu</p> <p>5. Boleh dijadikan sumber kewangan daripada hasil buatan sendiri</p>
--	--	---

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8:30 p.m.	20 Mac 2023	<u>Carian di google.</u> Membuat carian mengenai tokoh seni di Google	Catatan awal perbincangan untuk memilih tokoh yang berhampiran untuk ditemubual.
9:23 p.m.	26 Mac 2023	<u>Memutuskan untuk memilih</u> Diantara dua tokoh yang kami cari, kami memilih tokoh yang berhampiran	Catatan kedua dibuat untuk memilih Encik Norhaiza bin Noordin (Anugerah Tokoh Kraf Negara)
2:30 p.m.	27 Mac 2023	<u>Cuba menghubungi melalui akaun Facebook</u> Membuat carian di Facebook untuk mendapatkan nombor telefon tokoh	Catatan ketiga dilakukan untuk merangka ayat untuk menghubungi tokoh
8:00 p.m.	10 April 2023	<u>Membuat soalan-soalan</u> Mula membuat soalan mengenai tokoh yang dipilih untuk ditemubual	Catatan keempat dilakukan sewaktu mula membuat soalan-soalan untuk ditanya kepada tokoh

4:57 p.m.	15 April 2023	<p><u>Maklumbalas daripada Facebook</u></p> <p>Mendapat balasan daripada akaun Facebook Desa Ukiran Kayu mengenai cara untuk menghubungi tokoh</p>	Catatan kelima dilakukan bila waktu yang sesuai untuk menghubungi tokoh
12:43 p.m.	16 April 2023	<p><u>Mesej melalui WhatsApp</u></p> <p>Menghantar mesej untuk kali pertama kepada tokoh Encik Norhaiza bin Noordin.</p>	Catatan keenam dilakukan untuk mendapatkan persetujuan tokoh untuk ditemubual
5:58 p.m.	27 April 2023	<p><u>Mesej melalui WhatsApp</u></p> <p>Encik Norhaiza memaklumkan bahawa beliau akan ke United Kingdom memastikan Tarikh untuk ditemubual</p>	Catatan ketujuh dilakukan untuk menetapkan tarikh temubual
2:37 p.m.	28 Mei 2023	<p><u>Mesej melalui WhatsApp</u></p> <p>Memaklumkan kepada Encik Norhaiza tentang temubual yang akan dijalankan.</p>	Memaklumkan 2 hari sebelum temubual kepada Encik Norhaiza bahawa temubual akan dijalankan 2 hari lagi
3: 00 p.m.	28 Mei 2023	<p><u>Mencuba mengesahkan platform mana yang sesuai</u></p> <p>Kami berbincang dan mencuba platform yang boleh oncall lebih daripada 1 jam</p>	Mencuba dan membuat perbandingan untuk setiap platform untuk memudahkan tokoh.

1:50 p.m.	29 Mei 2023	<p><u>Mesej melalui WhatsApp</u></p> <p>Memaklumkan dan mendapatkan persetujuan daripada tokoh bahawa temubual akan dijalankan di Webex</p>	<p>Mengesahkan kepada tokoh bahawa temubual akan dijalankan di Webex sesuai diatas permintaan beliau untuk ditemubual secara atas talian.</p>
3:00 p.m.	30 Mei 2023	<p><u>Temubual dijalankan di Webex</u></p> <p>Sesi temubual dijalankan di Webex</p>	<p>Temubual dijalankan sesuai dengan tarikh yang ditetapkan</p>

SENARAI SOALAN

A. LATAR BELAKANG

1. Apakah nama sebenar encik?
2. Adakah encik mempunyai nama gelaran ataupun pangkat?
3. Bilakah encik dilahirkan?
4. Dimanakah encik dilahirkan?
5. Dimanakah encik menetap sekarang?
6. Boleh kami tahu nama ibu dan nama ayah encik?
7. Encik mempunyai berapa orang adik-beradik?
8. Encik anak yang keberapa?
9. Boleh encik ceritakan tentang keluarga encik? Maksud kami isteri dan anak-anak encik. Siapakah nama isteri encik dan dari manakah isteri encik berasal?
10. Adakah isteri encik bekerja? Jika ya, apakah pekerjaan isteri encik?
11. Encik mempunyai berapa orang cahaya mata?
12. Jika tidak keberatan, boleh saya tahu dimanakah anak-anak encik melanjutkan pengajian mereka sekarang?

B. SEJARAH PENDIDIKAN

13. Dimanakah encik bersekolah rendah?
14. Di manakah encik bersekolah menengah?
15. Ketika di sekolah menengah, subjek apakah yang menjadi kegemaran encik?
16. Apakah cita-cita encik ketika di bangku persekolahan?
17. Adakah encik seorang pelajar yang aktif?
18. Apakah pencapaian tertinggi yang terbaik pernah encik perolehi Ketika berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?
19. Apakah pengalaman yang tidak dapat encik lupakan semasa dialam persekolahan?
20. Selepas menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah, adakah encik menyambung pengajian encik di peringkat yang lebih tinggi?

C. PENGALAMAN KERJAYA

(SELEPAS HABIS BELAJAR)

21. Apakah pekerjaan pertama encik sebelum berkecimpung dengan seni ukiran halus?
22. Dimanakah encik bekerja dan dengan siapakah encik bekerja? Maksud saya, encik bekerja bersama ayah, adik-beradik atau kawan-kawan? (tanya jika dia bekerja lain sebelum menjadi pengukir)

(SEBAGAI PENGUKIR)

23. Bagaimana encik boleh bekerja sebagai pengukir kayu, adakah kerana minat ataupun kerana ingin mencari pengalaman kerja?
24. Dengan siapakah encik mula mempelajari seni ukiran tradisional?
25. Seterusnya dengan siapa lagi encik mempelajari seni ukiran?
26. Adakah masih ada guru seni ukiran encik yang masih lagi hidup?
27. Berapa tahun masa yang diambil untuk mahir dalam seni ukiran halus ini?
28. Apakah bidang kraf yang encik ceburi?
29. Selain bidang kraf hasil rimba, adakah encik juga mahir bidang kraf yang lain?
30. Sepanjang encik menceburi bidang ukiran halus selama 30 tahun apakah pengalaman manis yang tidak dapat encik lupakan?
31. Dan apa pula pengalaman pahit yang encik tidak dapat lupakan sepanjang menjadi seorang pengukir?
32. Adakah encik mempunyai ramai rakan-rakan sekerja di tempat kerja?
33. Adakah ada rakan-rakan sekolah atau rakan-rakan yang encik kenal juga menceburi seni ukiran halus?
34. Adakah mereka masih juga aktif seperti encik dalam seni ukiran tradisional ini?
35. Adakah ada rakan-rakan encik yang tinggal berdekatan dengan encik?
36. Apakah mereka juga sering terlibat dengan program-program yang encik juga terlibat?
37. Apakah kejayaan yang telah encik capai selama 30 tahun semenjak menceburi bidang seni ukiran halus?
38. Bilakah encik mendapat lantikan sebagai adiguru kraf dan tokoh kraf negara?

39. Dimanakah perlantikan itu berlangsung dan siapakah yang memberikan lantikan tersebut?
40. Apa cabaran yang dihadapi oleh encik sepanjang menjadi adiguru kraf dan tokoh kraf negara?
41. Adakah encik kagum dengan pencapaian yang telah encik perolehi ini?
42. Boleh kami tahu, berapakah masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu karya ukiran kayu ini?
43. Siapakah antara kalangan orang ternama yang telah encik temui?
44. Kami mendapat tahu bahawa encik ke United Kingdom baru-baru ini. Boleh kami tahu tujuan encik kesana?
45. Apakah program-program yang encik hadiri sewaktu berada disana?
46. Berapa hari encik pergi ke United Kingdom?

(SENI UKIRAN)

47. Dari kajian kami, encik telah menghasilkan seni ukiran kayu hiasan dalam Dewan Pusat Pengajian Islam di Universiti Oxford. Bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang hasil seni ukiran itu?
48. Selain daripada itu, apakah ukiran-ukiran kayu yang telah encik hasilkan?
49. Kehalusan seni ukiran encik telah mendapat perhatian di luar negara dan disebabkan itu encik telah menerima beberapa tempahan daripada luar dan dalam negara. Apakah yang encik lakukan untuk mempromosikan ukiran yang dihasilkan?
50. Adakah encik masih mengekalkan kualiti dan kehalusan ukiran kayu yang dihasilkan?
51. Adakah corak-corak ukiran tersebut terhasil daripada idea encik sendiri atau encik mempunyai rujukan untuk membuatnya?
52. Hasil seni ukiran encik telah menaikkan lagi nama Melayu di peringkat antarabangsa. Apakah seni ukiran yang paling mendapat perhatian di luar negara?
53. Kami sedia maklum bahawa seni ukiran mempunyai motif-motifnya yang tersendiri. Apakah motif yang encik kerap gunakan untuk menghasilkan sebuah ukiran kayu?

D. SUMBANGAN

54. Seperti yang diberitahu tadi, kami mendapati 4 orang adik encik telah mengikuti jejak Langkah encik dalam menceburi bidang ukiran kayu. Adakah mereka menceburi bidang ukiran kayu hasil daripada tunjuk ajar dan bimbingan encik?
55. Selain itu, adakah encik juga memberi tunjuk ajar pelajar dan pelatih daripada agensi- agensi lain?
56. Apakah agensi-agensi yang sering menghantar pelajar dan pelatih ke bengkel encik?
57. Kenapa agensi-agensi tersebut menghantar pelajar dan pelatih mereka ke bengkel encik?
58. Apakah sumbangan pertama encik dalam memartabatkan industri kraf ukiran kayu?
59. Dari maklumat yang kami jumpai, kami mendapati sejak 2002 encik telah menyumbang dalam memartabatkan seni ukiran kayu. Boleh encik ceritakan sumbangan-sumbangan yang telah encik jalankan secara terperinci?
60. Encik juga sering mengikuti program yang dianjurkan oleh agensi-agensi terutama yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia bagi tujuan promosi di dalam dan juga luar negara. Apakah program-program yang pernah encik sertai di peringkat antarabangsa?
61. Dan apakah program-program promosi yang encik pernah sertai di peringkat kebangsaan?
62. Encik juga telah menyumbang pada peringkat nasional kan? Apakah sumbangan yang telah encik lakukan?
63. Kerana kemahiran dan pengetahuan encik dalam bidang ukiran halus, encik sering menjadi pakar dalam rujukan yang melibatkan seni ukiran kayu. Adakah ianya benar?
64. Dan kerana kemahiran ini, encik telah dilantik oleh Kraftangan Malaysia sebagai Adiguru Kraf Ukiran Halus pada tahun 2011 kan?
65. Dan pada tahun lepas 2022, encik telah mendapat Tokoh Kraf Negara oleh kerajaan Malaysia. Sewaktu itu, apa perasaan encik sewaktu menerima anugerah tersebut?

E. PENCAPAIAN

66. Apakah pengiktirafan yang paling membanggakan encik?
67. Boleh encik ceritakan bagaimana encik boleh sampai ke tahap ini?
68. Apakah anugerah-anugerah yang encik pernah dapat?
69. Adakah encik menubuhkan sebuah syarikat?
70. Apakah tiga jenis segmen dari perusahaan ukiran kayu yang telah encik tubuhkan?
Kerana kemahiran encik yang luar biasa, encik telah mendapat liputan dari pelbagai sumber. Boleh encik beritahu kepada kami beberapa liputan yang pernah mewawancara encik?
71. Encik pernah menghasilkan buku yang bertajuk “Ukiran kayu Warisan Kayu” betul?
72. Bolehkah encik menjelaskan serba sedikit tentang buku yang dihasilkan?
73. Hasil buku tersebut daripada encik sendiri dan juga Allahyarham Nik Rashidin. Adakah Allahyarham Nik Rashidin telah membantu encik untuk mempelajari seni ukiran?

F. HARAPAN

74. Apakah harapan dan nasihat yang encik hendak berikan kepada masyarakat dan anak muda supaya tidak melupakan seni ukiran kayu?
75. Sekiranya encik diberikan peluang untuk menarik minat lebih ramai golongan anak muda untuk terlibat sama dalam bidang kraf seni ukiran halus apakah tindakan encik?
76. Boleh tak encik kongsi serba sedikit apakah harapan encik terhadap golongan muda yang ingin mencebur diri dalam bidang ukiran kayu?
77. Apakah nasihat yang encik hendak berikan kepada mereka supaya tidak berputus asa sewaktu mempelajari asas seni ukiran halus?
78. Sebagai pemilik bengkel yang telah lama dalam bidang kraf ukiran apakah harapan encik terhadap perniagaan dijalankan sekarang?
79. Apakah harapan encik terhadap pekerja-pekerja encik?
80. Apakah harapan encik terhadap perniagaan encik untuk jangka masa pendek?

81. Adakah dengan menggunakan platform atas talian seperti Facebook adalah salah satu langkah terbaik bagi encik bagi mengwar-warkan seni ukiran halus kepada masyarakat?
82. Apakah harapan encik untuk jangka masa panjang pula?
83. Pada masa ekonomi negara kita agak merosot akibat pandemik Covid-19 boleh tak encik ulaskan sedikit berkenaan dengan Bengkel milik encik dan kerja-kerja encik?
84. Apakah harapan dan nasihat yang encik hendak berikan kepada masyarakat dan anak muda supaya tidak berputus asa dalam mengekalkan budaya seni ukiran tradisional serta tidak melupakan seni ukiran kayu?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya NORHAIZA BIN NOORDIN..... K/P:..... pada
30/3/2023.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Nama tokoh:Norhaiza bin Noordin)

Tarikh: 30/3/2023

.....
(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)

b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR



Rajah 1: Encik Noorhaiza Noordin mengukir kayu



Rajah 2: Hasil karya seni ukiran halus oleh Encik Noorhaiza Noordin




Rajah 3: Karya Encik Noorhaiza Noordin dijadikan sebagai hadiah pertabalan kepada King Charles III



Rajah 4: Hasil karya seni ukiran kayu oleh Encik Noorhaiza Noordin



Rajah 5: Encik Norhaiza Noordin membuat seni telepuk



Rajah 6: Hasil karya seni telepuk oleh Encik Norhaiza Noordin



Rajah 7: Hasil karya seni telepuk yang telah siap dihasilkan oleh Encik Norhaiza Noordin





Rajah 8: Alat tekanan untuk membual seni telepuk



Rajah 9: Encik Norhaiza Noordin dilantik sebagai Adiguru kraf pada tahun 2011



Rajah 10: Encik Norhaiza Noordin dilantik sebagai Tokoh Kraf Negara pada tahun 2022



Rajah 11 & Rajah 12: Tangkapan skrin sewaktu temubual dijalankan di aplikasi Webex

SIJIL PENGHARGAAN

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Sijil Penghargaan Warisan Kebangsaan Orang Hidup

INDEKS

A

Adiguru 13

B

Bidang 1, 8, 11, 12, 13, 14, 15,
16, 17, 19, 20, 21, 24,
25, 26, 27, 28, 30, 31,
32, 33, 37, 38, 39, 41,
46, 48, 49

Bengkel 3, 10, 26, 31, 38, 39,
48, 49

C

Ceburi 14, 19

D

Dibuat 17, 19, 23, 26, 42

Dinding 12, 18, 31, 32

E

Emas 13

F

Facebook 29, 42

G

Geografi 5, 6, 37

H

Halus 1, 8, 10, 11, 12, 13, 17,
18, 19, 21, 23, 27, 33,
38, 46, 47, 48, 49

I

Identiti 19, 33

Iman 33

Islam 17, 18, 33

Istana 18

J

Jangka 31, 49, 50

K

Kategori 12

Kayu 9, 10, 12, 13, 14, 17,
18, 20, 21, 23, 25, 26,
27, 29, 30, 31, 32

L

Lukis 5, 6, 22, 37

Latihan 13, 25

M

Motif 12, 16, 17, 18, 21, 22,
23, 38, 39, 47

Melayu 11, 13, 15, 18, 19, 23,

24, 30, 33

N

Nilai 19, 27

O

Oxford 18, 19, 20

P

Pahat 23, 35

Pisau 23

Pintu 13, 19, 20, 25, 34

Proses 13, 20, 28

R

Rockers 28

Rumah 5, 11, 13, 19, 22, 25,
34

S

Seni 1, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11,
12, 13, 14, 15, 16, 17,
18, 19, 20, 21, 22, 23,
24, 25, 26, 27, 28, 29,
30, 31, 32, 33, 24, 25,
36

Seniman 10,14

T

Tukang 14, 26

U

Ukiran 1, 9, 10, 11, 12, 13, 14,
15, 16, 17, 18, 19, 20,
21, 22, 23, 24, 25, 26,
27, 28, 29, 30, 31, 32

W

Warisan 15, 31

Y

Yayasan 27, 33